Sorotan Penting
Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran pada 2017

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Risiko kepada kestabilan kewangan pada amnya terkawal

- Hutang isi rumah lebih sederhana
- Risiko mungkir syarikat Malaysia rendah dan stabil
- Pertumbuhan deposit lebih tinggi
- Mudah tunai pertukaran asing dalam negeri bertambah baik
- Institusi pelaburan domestik menyokong teguh pasaran kewangan


Institusi kewangan mempunyai kemampuan yang kukuh

Sektor Perbankan		Sektor Insurans dan Takaful	
Nisbah modal CET 1	13.3%	Nisbah kecukupan modal	234%
Nisbah pinjaman terjejas bersih	1.1%		
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman	115%		

Aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong ekonomi

Sektor perniagaan dan isi rumah terus mendapat akses kepada pembiayaan

Pertumbuhan tahunan




Kadar kelulusan

PKS	77%
Rumah kediaman	73%

Penyelesaian insurans dan takaful mencapai kelompok masyarakat dan ekonomi yang lebih luas

Pertumbuhan tahunan



Inovasi baharu pada 2017

- **Produk yang mudah dan mampu milik** untuk segmen B40
- **Saluran pengagihan langsung** untuk produk perlindungan asas
- **Penetapan kadar premium berbeza** untuk perlindungan kebakaran & motor

E-pembayaran terus mencapai kemajuan

Pertumbuhan sejak 2011

- **lebih 2x** peningkatan urus niaga e-pembayaran per kapita
- **42%** pengurangan penggunaan cek
- **hampir 2x** bilangan terminal runcit (POS)
- **lebih 6x** peningkatan penggunaan kad debit

Pengenalan pelbagai inisiatif untuk membangunkan dan memperkukuh industri

Karnival Kewangan	eKYC untuk kiriman wang	imSME	Saringan Pekerja	Pengantaraan berasaskan nilai
eCCRIS	Jualan singkat yang dikawal selia	Lindung nilai FX yang dinamik	Pemetaan Tanggungjawab	*API* Terbuka

Sumber: Bank Negara Malaysia


Sorotan Penting
Rencana

Mengekalkan daya tahan isi rumah; memperluas akses kewangan

Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah

Kedudukan kewangan isi rumah kukuh dengan aset kewangan mudah tunai (LFA) yang cukup untuk menampung hutang; meskipun kumpulan pendapatan rendah lebih mudah terjejas akibat kejutan

Penampan Aset Kewangan Mudah Tunai



94% daripada peminjam mempunyai **margin kewangan positif**

lebih dari **1.2** kali **penampan potensi kerugian oleh sistem perbankan** di bawah senario tekanan yang teruk

AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat

Memperkukuh daya tahan isi rumah melalui campur tangan yang proaktif dan pendidikan kewangan



Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful

Jaring keselamatan kewangan diperluas melalui penyelesaian perlindungan yang mudah dan mampu milik bagi kelompok masyarakat yang lebih meluas

Ciri-ciri utama PERLINDUNGAN tenang MAMPU & MUDAH

- Mampu milik
- Manfaat terbaik
- Senang diakses
- Mudah difahami
- Mudah dibeli dan dituntut

Meningkatkan kualiti bakat pekerja dan tahap profesionalisme industri

Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan

Tenaga kerja yang lebih produktif, berkemahiran tinggi dan tangkas diperlukan pada masa hadapan

Lima faktor penting untuk membentuk tenaga kerja sektor kewangan masa hadapan

1. Memperkukuh	kompetensi teras dan piawaian profesional
2. Mengenal pasti	jenis dan jumlah pekerjaan yang berisiko untuk digantikan
3. Merangkumkan	rancangan perniagaan untuk menangani peralihan kakitangan kepada peranan baharu
4. Mengembangkan	kepelbagaian kumpulan bakat
5. Menambah baik	kualiti data dan ketelusan untuk menyokong pengurusan bakat

Mengukuhkan Amalan dan Budaya dalam Industri Kewangan

Piawaian integriti dan profesionalisme amat penting untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai

Pendekatan serampang dua mata untuk mempengaruhi amalan individu dalam industri

1. Diri Individu	Saringan pengambilan pekerja yang ketat
2. Mengikut Konteks	Tatakelakuan Pemberi maklumat Penguatkuasaan Penyeliaan budaya Akauntabiliti Profesionalisme Ganjaran

Sumber: Bank Negara Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit